

MAHATHIR GESA

USAHAWAN₂

TEMPATAN

LEBIH BERANI

MM 19 MAY 1985

KUALA LUMPUR 18 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa usahawan - usahawan tempatan supaya lebih berani menceburi diri dalam sektor pembuatan berteknologi tinggi untuk menjadikan negara ini sebuah negara industri baru yang disegani.

"Jika kita tidak mahu menceburi bidang pembuatan yang lebih mencabar kita akan terus ketinggalan dan digolongkan sebagai negara tidak membangun," katanya.

Sambil menyifatkan para pengusaha negara ini takut untuk menceburi sektor pembuatan kerana risiko yang tinggi, beliau menyatakan, pengusaha negara ini harus mengikis sifat itu dan mengikuti jejak rakan - rakan mereka di negara - negara lain seperti Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun yang berjaya berani.

Serentak dengan itu beliau juga menolak dakwaan yang mengatakan kadar upah buruh negara ini rendah jika dibandingkan dengan negara - negara lain sebaliknya mengatakan kadar upah di sini adalah jauh lebih tinggi dan berpatutan.

"Kadar upah di negara ini adalah tinggi tetapi jika dibandingkan dengan tuntutan para pekerja memanglah rendah kerana tidak semua permintaan boleh dipenuhi," katanya kepada para pemberita selepas melawat Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) di sini pagi ini.

Serentak dengan itu beliau juga menafikan dakwaan setengah - setengah pihak yang mengatakan industri elektronik negara ini membangun kerana mendapat khidmat buruh yang murah.

Beliau seterusnya meminta usahawan tempatan supaya jangan hanya tertumpu pada industri - industri tradisional negara seperti bidang pertanian dan pembinaan sahaja kerana langkah itu akan membuat negara ketinggalan dalam industri pembuatan terutamanya yang melibatkan mikroelektronik.

"Jika kita tidak mahu menceburi bidang pembuatan yang lebih mencabar kita akan terus ketinggalan dan digolongkan sebagai negara tidak membangun," katanya lagi.

Menurutnya, para usahawan harus berani menanggung risiko dan menceburi bidang - bidang pembuatan teknologi tinggi kerana usahawan - usahawan beginilah yang diperlukan

oleh negara kerana negara sedang menuju ke arah industrilisasi.

Tambahnya lagi, kerajaan bersedia memberi segala galakan seperti kemudahan infrastruktur, intensif berbentuk cukai dan sebagainya kepada mana - mana pihak yang berminat terutamanya yang melibatkan penggunaan alat - alat elektronik seperti pembuatan komputer, robot dan motor-motor.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak dapat berbuat apa - apa jika tiada pihak yang berminat dan tidak akan "memanjakan" mana - mana pihak semata - mata ingin membawa mereka menceburi bidang ini.

"Mereka hendaklah mempunyai kemahuan dan inisiatif sendiri dan kerajaan hanya memberikan sokongan yang diperlukan," katanya.

Mengenai industri elektronik yang sejak akhir - akhir ini menghadapi masalah memasarkan keluaran alat - alat elektronik mereka, Perdana Menteri menyatakan, masalah itu bukanlah terlalu serius tetapi apa yang paling penting ialah usahawan - usahawan mencipta kegunaan - kegunaan baru untuk alat - alat itu supaya permintaannya berterusan.

Beliau juga menafikan bahawa penggunaan alat - alat teknologi tinggi dalam bidang elektronik dan sebagainya sekarang akan mengakibatkan pengangguran di kalangan pekerja - pekerja yang sudah mempunyai kemahiran itu kerana tenaga mereka boleh disalurkan ke industri - industri yang lain.